

Orang Kurang Upaya gembira dapat pelbagai kemudahan

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Orang Kurang Upaya (OKU) menyambut baik langkah kerajaan memberikan pelbagai bentuk kemudahan dalam usaha memastikan golongan ini menikmati arus pembangunan negara menerusi Bajet 2004.

Mereka yang dihubungi *Utusan Malaysia* mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas keprihatinan di dalam penyediaan bantuan-bantuan dasar kepada mereka.

Ini termasuklah skim bantuan kewangan, elaun pekerja, elaun bulanan, penggunaan teknologi komunikasi maklumat (ICT) serta pinjaman kewangan menerusi Skim Mikro Kredit.

Setiausaha Kehormat Kelab Kecacatan Fizikal Klang, **Ashairi Sulaiman** berkata, bajet kali ini amat istimewa kepada golongan OKU yang secara tidak langsung dapat memberikan semangat baru untuk meneruskan kehidupan.

"Kami sebagai OKU memang memerlukan semua bantuan dan kemudahan yang diberikan khususnya bagi latihan ICT.

"Pusat Sumber Rintis ICT yang akan ditubuhkan di Sungai Buloh pasti membantu ramai OKU menguasai bidang ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Bajet 2004 yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di Dewan Rakyat, hari ini.

Dalam pada itu Setiausaha Persatuan Kecederaan Spina Malaysia, **Bathmavathi Krishnan** berkata, pihaknya rasa terharu kerana kerajaan memperuntukkan RM10 juta ringgit khusus bagi OKU yang menghidap penyakit kronik.

Sementara itu, Pengarah Bivai Special Dogs, **Anthony Thanasayan** berkata, pihaknya berbesar hati kerana bajet kali ini amat bertimbangrasa kepada golongan OKU.

Pengarah Eksekutif Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia (MAB), **George Thomas** berkata, bajet kali ini merupakan bajet yang bersifat 'futuristik' dan positif kepada OKU.